



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/6/2011

# Keluar daripada zon selesa



## Semua negara perlu bergerak seiring kemajuan dunia: Dr M

**P**UTRAJAYA: Semua negara perlu keluar daripada zon selesa dan bergerak maju seiring negara lain dalam dunia yang kini penuh mencabar dan bergerak pantas, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ramai suka berada dalam zon selesa yang akhirnya mengakibatkan mereka tidak dapat berkembang maju.

"Kalau kita selalu nak benda yang kita biasa, kita tak boleh maju. Dunia sedang berubah dan kita perlu bergerak seiring kemajuan negara di seluruh dunia," katanya yang juga pengasas program Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan perasmian LID 2011 pagi ini yang menggesa semua pemimpin supaya berusaha membawa transformasi dan berubah daripada melakukan sesuatu dengan cara lama.

"Untuk menjadi setanding, kita perlu tahu apa yang sedang berlaku, kita perlu tampilkan idea sendiri supaya kita dapat berada selangkah di hadapan sesetengah negara dalam bidang tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, LID adalah program dilancarkan Kerajaan Malaysia yang harus mendapat sokongan semua pihak. - BERNAMA